

14 NOV 2000

DR MAHATHIR BERLEPAS KE BRUNEI UNTUK HADIRI SIDANG APEC

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini berlepas ke Brunei Darussalam bagi menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Pesawat eksekutif kerajaan yang membawa Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada pukul 6.15 petang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

Mesyuarat Kelapan Pemimpin-pemimpin APEC itu akan berlangsung selama dua hari mulai esok.

-- BERNAMA
RZS AZZ NAK